

03/05/1999

PM nilai masa sesuai untuk serah jawatan (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan membuat penilaian mengenai masa yang sesuai untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tak ada niat jadi Perdana Menteri seumur hidup dan nak dapat KSM (Kerja Sampai Mati).

"Satu hari saya kena letak jawatan ... banyak orang tak seronok kalau saya letak jawatan tetapi banyak pula orang suka saya letak jawatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, masa penyerahan jawatan itu mungkin antara setahun hingga empat tahun selepas pilihan raya umum akan datang.

"Lepas pilihan raya mungkin satu tahun, dua tahun, tiga tahun, empat tahun, lepas pilihan rayalah," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas dekat sini hari ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas mengadakan lawatan tiga hari ke Kedah.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar terkemuka Jepun, Miniachi Shimbun, yang memetikinya sebagai berkata bahawa beliau akan menyerahkan jawatan kepada Abdullah selepas pilihan raya umum jika Abdullah sudah bersedia.

Dalam laporan yang disiarkan pada 30 April Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak boleh memberitahu bila pilihan raya akan diadakan. Laporan itu berdasarkan wawancara akhbar berkenaan dengan Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada 29 April lalu.

Beliau juga dilaporkan berkata bahawa setakat ini Abdullah menjalankan tugasnya dengan baik, popular dan mendapat sokongan semua pihak.

Abdullah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari lalu menggantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat pada awal September tahun lalu.

Menurut Dr Mahathir, beliau masih memegang jawatan Perdana Menteri kerana Malaysia menghadapi masalah ekonomi dan tidak boleh menyerahkan jawatan itu kepada Anwar kerana bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak mampu menangani masalah berkenaan.

Katanya, Anwar hanya mengikut saranan Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus dan melaksanakan pelbagai tindakan serta perubahan yang menggugat ekonomi negara.

"Anwar tidak tahu nak tangani. Yang dia tahu buat apa yang disuruh Camdessus. Dia naikkan kadar faedah, kurangkan duit dalam bank, naikkan NPL (Pinjaman Tidak Berbayar) daripada tiga sampai enam bulan dan kurangkan perbelanjaan kerajaan.

"Saya tak boleh letak jawatan dan beri kepada dia. Ia bermakna saya tidak bertanggungjawab.

"Sebab itu sekarang kita tukar dasar yang dia laksanakan tanpa mendapat izin kita. Tetapi dia buat pengumuman sebab dia Menteri Kewangan, sebab dia menteri kita juga. Tapi dialah yang bantu IMF," katanya.

Mengenai desas-desus yang disebarkan pihak tertentu bahawa Dr Mahathir tidak akan bertanding di Kubang Pasu pada pilihan raya akan datang kerana kononnya bimbang tewas kepada calon parti pembangkang, Perdana Menteri berkata:

"Orang di sini masih sokong saya dan hendak saya bertanding. Saya tidak akan pindah. Saya tidak lari.

"Saya sudah lama tidak balik kawasan. Saya dengar ada desas-desus pihak

tertentu cuba kelirukan pengundi di Kubang Pasu. Saya balik untuk mendengar masalah mereka ... juga tugas saya merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian (semalam).

"Orang kampung yang saya jumpa, mereka kekal dengan pendirian. Mereka memang tahu kemajuan yang dicapai di Kubang Pasu dan Malaysia adalah hasil perjuangan Umno. Mereka terus sokong Umno," katanya.

(END)